

Tingkat keupayaan I

Pengembangan universiti beri peluang luas kepa

B-14 18/08/07 M1314

Oleh Azmi Md Deros
azmimd@bharian.com.my

SUNGAI PETANI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu universiti tempatan meningkatkan keupayaan mereka bagi membolehkannya menyediakan lebih banyak peluang kepada generasi muda menimba pelajaran pada peringkat tinggi.

Perdana Menteri berkata, dengan cara itu pelajar akan mendapat peluang lebih luas untuk melanjutkan pelajaran mereka dengan kos yang amat berpatutan.

"Saya amat gembira melihat institusi pengajian tinggi tempatan kita berkembang dan dinaik taraf yang mana ia membuktikan generasi muda kita amat memerlukan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

"Pengembangan institusi pengajian tinggi tempatan dapat menyediakan peluang yang lebih besar kepada generasi muda, sekali gus membolehkan Malaysia memiliki tenaga kerja terlatih dan berkemahiran.

"Bagaimanapun, kejayaan atau kegagalan pelajar terletak pada sikap mereka sendiri dan saya mahu pelajar menggunakan sebaik-baiknya peluang yang ada untuk memajukan diri," katanya ketika berucap merasmikan Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (Aimst) di Bedong di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohamed Khaled Nordin; Presiden MIC yang juga Pengerusi Institut Pembangunan Pen-



TERLATIH: Abdullah melihat pelajar Universiti Aimst menunjukkan c di Semeling, Kedah, semalam.

didikan Maju (MIED), Datuk Seri S Samy Vellu dan Pengerusi Aimst, Tan Sri Dr K Ampikaipakan.

Abdullah juga mahu Aimst bekerjasama dengan syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terkemuka di Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) dan mengikut kurikulumnya bagi memenuhi keperluan industri, selain menyediakan tenaga manusia untuk KHTP dan Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC).

"Pembangunan MSC Malaysia memerlukan bakat yang relevan dengan industri dalam jumlah yang besar.

"Oleh itu kita hendaklah meningkatkan sumber bakat ICT dengan kos yang menguntungkan dari segi ekonomi dalam usaha memenuhi permintaan industri.

"Kampus Aimst yang berdekatan dengan KHTP, bandar siber pertama di Kedah, boleh memanfaatkan potensi yang ada untuk dieksploitasi demi

PT tempatan'

pada generasi muda: Pak Lah



...cara penjagaan gigi selepas merasmikan Universiti Aimst,

SYAHARIM ABDIN | BERTITA HARIAN

“*la membuktikan generasi muda kita amat memerlukan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

faedah bersama,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Aimst sebagai universiti yang berteraskan bidang perubatan, sains dan teknologi mampu menempa nama dalam melahirkan profesional pelbagai bidang berteknologi tinggi.

Aimst yang juga universiti swasta milik MIC di bawah MIED ditubuhkan pada 15 Mac 2001 dan mendapat status universiti pada April 2007.

Program kerjasama sekolah Australia

KUANTAN: Kementerian Pelajaran akan mewujudkan rangkaian kerjasama dalam bidang pendidikan dan vokasional dengan Kementerian Pelajaran Australia.

Kerjasama julung kali diadakan itu dikenali sebagai 'Sister School Programme' membabitkan 22 sekolah terpilih di kedua-dua negara.

Timbalan Menterinya, Datuk Razali Ismail, berkata selain pelajar, program ini juga turut membabitkan guru dan pengetua sekolah kedua-dua negara.

Beliau berkata, antara sekolah di negara ini yang terbahit dalam program khas itu termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Baki, Kuala Lumpur yang akan mengadakan kerjasama dengan sekolah di Australia.

"Selain mengadakan lawatan sambil belajar ke Australia, sekolah yang terbahit juga boleh bertukar pandangan dan pendapat menggunakan kemudahan internet.

"Teknik pembelajaran dan sebagainya yang digunakan sekolah di Australia itu juga akan diterapkan di 12 sekolah di negara ini," katanya selepas menyampaikan ceramah program Nadwah Keperimpinan Islam Sekolah Berasrama Penuh (SPB) Peringkat Kebangsaan Ke-29 di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kuantan, semalam.

Turut hadir, Pengarah Pengurusan SBP dan Kluster, Datin Dr Siti Zaleha Abdullah Sani.